

BAB 2

SEJARAH LEKSIKOGRAFI

2.1 Pendahuluan

Perkataan kamus berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud lautan, samudera yang sangat dalam dan merbahaya (A.Teeuw, 1964: 388)). Menurut Abdullah Hussain (1970: 339), perkataan kamus mungkin berasal daripada Parsi. Perkataan ini dalam bahasa Inggeris, *dictionary*, merupakan kata yang dipinjam daripada bahasa Latin, *dictionarius*, yang bermaksud pengumpulan kata-kata. Perkataan *dictionary* mula digunakan oleh John Garland dalam tajuk kamus yang beliau hasilkan (Abdullah Hassan, 1989: 104).

Melihat kepada sejarah leksikografi, kegiatan mengumpulkan kata-kata ini telah bermula sejak abad Pertama Masihi lagi (Walker, 1986). Perkembangan dalam bidang pengetahuan menyebabkan manusia terus berusaha untuk meluaskan lagi bidang-bidang yang telah diteroka. Akibat daripada itu, bahasa memainkan peranan penting dalam membuat huraian, penjelasan, komentar dan sebagainya.

Kegiatan-kegiatan menimba ilmu pengetahuan yang semakin berkembang menyebabkan manusia memerlukan kata-kata baharu dalam membuat huraian dan penjelasan. Bagi mengatasi masalah ini, maka timbulah kegiatan mencipta kata-kata dan memberi takrif kepada kata-kata tersebut.

Aktiviti mencari kata-kata baharu ini dijalankan dengan tujuan supaya setiap penemuan atau pembaharuan tentang sesuatu bidang itu dapat difahami dan diterima oleh masyarakat sekitar. Kegiatan mencari, mencipta dan mengumpulkan kata-kata ini menjadi semakin penting kepada masyarakat bahasa, bermula dengan bentuk senarai kata sehingga beralih kepada bentuk buku yang dipanggil kamus. Kamus pula dapat dikatakan sebagai satu sumber yang penting dalam semua urusan, terutama urusan yang bersifat ilmiah.

2.2 Sejarah Leksikografi Barat

Perkembangan leksikografi di Eropah dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat. Peringkat awal bermula di Yunani, semasa bidang kesusastraan Yunani mencapai tahap kegemilangan yang tinggi. Berikutnya dari itu, timbul berbagai-bagai komentar terhadap karya-karya yang

dihadarkan pada masa itu. Bagi memudahkan pengkritik-pengkritik membuat kritikan, beberapa senarai kata telah diterbitkan. Senarai kata tersebut adalah seperti *Zopyrion*, *Phampilus of Alexandria* dan *Digenianus*, yang merupakan pengorak langkah kepada bidang leksikografi (Walker, 1986: 29).

Pada masa yang sama, Peradaban Rom turut mengalami perkembangan ilmu pengetahuan yang menggalakkan. Satu senarai kata yang bertajuk *De Lingua Latina* telah dihasilkan. Senarai kata ini dikatakan menjadi asas kepada perkembangan leksikografi dalam bahasa Latin. Senarai kata ini mengandungi kata-kata yang dipetik daripada puisi-puisi, dan senarai kata ini kemudiannya telah diperluas oleh ahli-ahli leksikografi Zaman Pertengahan.

Selepas Zaman Pertengahan, kegiatan leksikografi di Eropah tidak menampakkan sebarang kemajuan. Pada abad kelima Masihi, muncul satu bentuk senarai kata bertajuk *Hesidius of Alexandria*, yang dikatakan telah memberi satu nafas baharu dalam bidang leksikografi kerana mempunyai senarai entri yang agak ekstensif. Senarai kata ini telah menjadi rujukan utama

penulis-penulis kesusasteraan pada zaman itu. Pada abad ke sepuluh, Suidas telah memperluas senarai kata tersebut kepada bentuk yang lebih lengkap (Walker, 1986: 29).

Pada tahun 1612, Akademi Della Crusca telah menghasilkan sebuah kamus yang bertajuk *Vocabulario di Venice*. Pada tahun 1680, Akademi Bahasa Peranchis telah menerbitkan sebuah kamus yang bertajuk *Richelet* dan pada tahun 1691, menerbitkan sebuah lagi kamus dengan tajuk *Frutiere*. Leksikografi di England juga dikatakan bermula dalam bentuk senarai kata. Senarai kata yang pertama dihasilkan oleh orang-orang England sekitar tahun 1573, dengan tajuk *Aluarie*, diikuti senarai kata oleh Minscheu dengan tajuk *The Guides into the Tongues*, pada tahun 1617. Cotgrave pula telah menghasilkan satu senarai kata yang boleh dianggap sebagai kamus dengan memberi tajuk *Dictionary of the French and English Tongues*.

Pada tahun 1535, Thomas Gybson telah membuat satu kutipan kata yang diambil daripada kitab Injil. Lanjutan usaha beliau itu, timbul satu usaha untuk mendapatkan penyesuaian makna yang terkandung di dalam kitab Injil pada tahun

1537. Cawdrey (1604), Bullokar (1616), dan Cockeram (1623) merupakan beberapa penerbit kamus Inggeris yang terawal. Pada tahun 1656, Thomas Blount telah menghasilkan sebuah kamus yang bertajuk *Glossographia* dan pada tahun 1670 beliau menghasilkan sebuah lagi kamus idiom (Walker, 1986: 30).

Pada tahun 1710, Addison telah membawa satu era baharu dalam dunia leksikografi di England. Beliau telah membuat penerangan tentang bahagian-bahagian frasa yang diperkenalkan dalam kamus *Della Crusca*. Seterusnya Nathaniel Bailey telah menghasilkan sebuah kamus yang disertakan dengan etimologi kata. Kamus tersebut bertajuk *Universal Etymological*. Usaha Bailey ini diteruskan oleh Ephraim Chamber; beliau telah menghasilkan kamus yang bertajuk *Cyclopedie*. Lye telah memperluas lagi usaha Chamber dengan menghasilkan sebuah kamus yang bertajuk *Etimologicum Anglicanum*, pada tahun 1743 (Walker, 1986).

Pada tahun 1747, Samuel Johnson telah menerbitkan sebuah kamus yang bertajuk *Plan of an English Dictionary*, dan seterusnya menghasilkan sebuah lagi kamus yang diberi tajuk *Dictionary*

pada tahun 1755. Kamus yang dihasilkan oleh Johnson ini merupakan asas kepada penghasilan kamus ekabahasa di Eropah dan penerbitan kamus-kamus seterusnya (Landau, 1984: 51).

Ahli-ahli leksikografi selepas Johnson telah meneruskan usaha beliau, dengan memperkenalkan satu sistem ortografi ejaan dan etimologi dalam sistem leksikografi di England. Sebuah kamus yang dihasilkan oleh John Walker bertajuk *Critical Pronouncing and Expositor of the English Language* pada tahun 1791 merupakan kamus yang agak popular yang pernah dihasilkan. Seorang lagi ahli leksikografi yang terkenal di England ialah Noah Webster.

Webster menjadi terkenal setelah kamus beliau yang bertajuk *The American Spelling Book* dihasilkan pada tahun 1783. Pada tahun 1806, beliau sekali lagi menghasilkan sebuah kamus yang diberi tajuk *A Compendious Dictionary of English Language*. Kamus ini telah diulang cetak beberapa kali, dan kemudiannya telah bertukar tajuk kepada *American International Dictionary* pada tahun 1961 (N. C. Osselton, 1986: 27).

Sebuah kamus yang bertajuk *A Dictionary of American English on Historical Principles* yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Chicago pula dikatakan telah menjadi kamus asas kepada penghasilan kamus Oxford English Dictionary (Landau, 1984: 52).

Kamus Oxford merupakan kamus ekabahasa bahasa Inggeris yang terkenal di serata dunia. Kamus ini telah mengambil masa selama 40 tahun untuk diterbitkan. Kerja-kerja penghasilan kamus ini diketuai oleh James A. H. Hurray dan diikuti oleh beberapa pengarang lain seperti Henry Bradley (1888), William Alexander (1901), dan Charles Thalbut Onion (1914). Kamus ini pertama kali diterbitkan pada bulan Jun 1928 (Hartmann, 1983).

2.3 Sejarah Leksikografi Arab

Sejarah leksikografi Arab dimulakan oleh golongan Assyria. Golongan ini sangat mengambil berat tentang bahasa mereka. Mereka memperluas dan memperkembang bahasa mereka dengan mengumpulkan kata-kata di dalam satu senarai, serta mencipta ilmu-ilmu tatabahasa baharu yang berkaitan dengan bahasa mereka.

Golongan ini dikatakan telah mengenali kamus seribu tahun terdahulu daripada golongan Arab, iaitu sejak pembukaan Babylon (Ali Abdul Wahid, 1962: 48). Perkembangan bahasa dan leksikografi yang diasaskan oleh golongan Assyria ini dibantu oleh golongan Sumeria yang telah mengumpulkan senarai kata bahasa Sumeria di atas kepingan-kepingan tanah (J. A. Fab, 1979: 16).

Selepas dua golongan di atas, sejarah leksikografi Arab terhenti sehingga zaman perkembangan agama Islam di Mekah. Sejarah Islam menunjukkan perkembangan agama Islam berlaku melalui perkahwinan dan perdagangan. Maka bermula dari itu timbul keperluan memahami bahasa Arab oleh bangsa-bangsa lain yang memeluk agama Islam. Lanjutan daripada itu timbul pula kecenderungan memberi makna perkataan-perkataan Arab yang terdapat di dalam Al-Quran ke dalam bahasa-bahasa lain. Ini bertujuan mengelakkan kerosakan dan kekeliruan maksud yang terkandung di dalam Al-Quran (Abdul Sami, 1979: 13).

Al-Azhari, seorang pakar bahasa Arab, telah memulakan langkah yang pertama dalam menyusun kamus bahasa Arab. Beliau telah menerbitkan risalah-risalah khas mengenai

lafaz-lafaz Arab yang agak rumit serta memberikan makna yang jelas terhadap perkataan-perkataan yang sukar. Tindakan beliau ini telah diikuti oleh ahli-ahli bahasa yang berikutnya.

Abu Hanifah Al-Dimri pula telah melanjutkan usaha Azhari dengan menyusun sebuah buku mengenai nama-nama tumbuhan. Selepas itu, Ibnu Al-Sabit telah mengarang sebuah buku yang mengandungi pengertian dalam berbagai-bagai bidang bertajuk *Al-Alfaz*. Al-Hamazam pula telah menyusun sebuah buku berjudul *Al-Alfaz Al-Kitabiyah*, manakala Al-Iskafi telah menghasilkan kitab *Al-Fiqh Al-Lughah*. Sebuah buku yang dikarang oleh Ibn Sidah yang bertajuk *Al-Mukhassas* telah menjadi panduan kepada bidang leksikografi Arab yang seterusnya (Abdullah Aid, 1969: 23).

Kamus di dalam bahasa Arab kemudiannya telah menggunakan nama *mu'jam*. Kamus yang mula-mula sekali menggunakan nama *mu'jam* ialah *Mu'jam Al-Sahabah*, yang dihasilkan oleh Abu Jalal Ahmad bin Ali Al-Muthanna. Abu Al-Qasim Abdullah pula telah menghasilkan dua *mu'jam* yang diberi judul *Al-Mu'jam Al-Kabir* dan *Al-Mu'jam Al-Saghir*.

Tokoh bahasa Arab yang dikatakan sebagai bapa leksikografi Arab, Al-Khalil bin Ahmad Al-Farahadi, telah menghasilkan sebuah kamus yang tersusun rapi dengan tajuk *Al-Din*. Kamus ini dihasilkan pada tahun 170 Hijrah dan telah menjadi panduan kepada bidang leksikografi Arab hari ini. Kamusnya yang terkenal itu ialah "*Kitab Al-Din*", yang dihasilkan pada tahun 170H (Ibrahim Muhammad, tanpa tarikh: 09).

Seorang penyusun kamus yang terkenal, Abu Al-Abbas Ahmad bin ali Al-Fayyumi Al-Hamawi, telah menghasilkan sebuah kamus yang bertajuk "*Al-Misbah Al-Munir*". Kamus ini telah dikatakan mempunyai ciri-ciri leksikografi yang sebenarnya kerana disusun mengikut abjad, mengandungi penerangan tanda-tanda perkataan tertentu, dan disertakan dengan senarai rujukan. Oleh sebab kamus *Al-Misbah Al-Munir* merupakan kamus yang agak lengkap dalam perkembangan leksikografi Arab, maka penerbitan Dar Al-Maarif telah mengulang cetak kamus tersebut pada tahun 1977 di Mesir (Abdul Sami, 1979: 162).

2.4 Sejarah Leksikografi di Indonesia

Leksikografi bahasa Indonesia pada awalnya diasaskan oleh bangsa Belanda. Permulaan leksikografi di Indonesia yang sebenarnya tidak dapat diketahui dengan tepat kerana ketiadaan sumber-sumber yang dapat dijadikan bukti. Kerja-kerja leksikografi awal bahasa Indonesia dikatakan telah diasaskan oleh Marzoeki pada tahun 1906, diikuti oleh A. Harahap pada tahun 1914, seterusnya Adinegoro pada tahun 1928. Sebelum Marzoeki terdapat sebuah kamus Sunda yang dihasilkan oleh Wilde pada tahun 1841. Kamus ini mengandungi penerangan tentang kata-kata Sunda di dalam bahasa Belanda, dan terdapat juga keterangan tentang kata-kata Melayu (A. Teeuw, 1961: 69).

Pada tahun 1853, ditemui sebuah kamus bertajuk *Kamus Umum Melayu-Belanda*, tetapi nama pengarangnya tidak diketahui. Seterusnya pada tahun 1870, J. Pijnappel telah menghasilkan sebuah kamus bertajuk *Maleisch-Hollandsch Woordenboek* di Armsterdam. Pada tahun 1905 ditemui sebuah kamus bertajuk *Kamus Melayu-Belanda*.

Selepas kerja-kerja yang dihasilkan oleh beberapa orang ahli bahasa terawal itu, kegiatan leksikografi di Indonesia kurang mendapat perhatian yang serius, sehingga Kramer, seorang ahli leksikografi Belanda menyalin semula kamus versi van Ronkel dan mencetaknya ke dalam bahasa Indonesia. Kramer kemudiannya telah menghasilkan sebuah lagi kamus pada tahun 1950, diikuti oleh Van Pernis dengan penerbitan sebuah kamus yang mengandungi kata-kata Melayu klasik (A. Teeuw, 1961: 68).

Sekitar tahun 1950-an juga, Karow dan Puan Hilgers Hesse telah bekerjasama menghasilkan *Kamus Indonesia-Jerman*. Pada tahun 1951, Hassan Noel Ariffin telah menerbitkan sebuah kamus bertajuk *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Pada tahun berikutnya, Wojowasito Poerwadarminta telah menerbitkan *Bausatra Djawi-Indonesia*. Sebelum itu, pada tahun 1949, Poerwadarminta telah menghasilkan *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Kamus tersebut dianggap sebagai sebuah kamus yang lengkap dan masih lagi digunakan sehingga ke hari ini (Abdullah Hussain, 1970: 339).

Pada tahun 1953, Dino dan Wittermans telah menghasilkan sebuah kamus dwibahasa yang bertajuk *English-Indonesian Dictionary*. Usaha ini diikuti oleh Wojowasito Poerwadarminta dan Gastra dengan menghasilkan sebuah kamus Indonesia-Inggeris. Namun begitu kamus Wojowasito dan Gastra itu dikatakan kurang lengkap. A.K. Lathief pula telah menghasilkan satu lagi kamus yang bertajuk *Indonesian-English Dictionary* yang diterbitkan di Jepun pada tahun 1953 (A. Teeuw, 1964).

Selepas itu, beberapa buah kamus turut terhasil termasuklah beberapa buah kamus istilah. Kamus-kamus tersebut seperti kamus Candaranika *Adiparwa*; *Kamus Bahasa Kawi-Indonesia* oleh Wirjosuparto (1958), *Kamus Rakjat Popular* oleh Subadjo (1960), *Kamus Popular* oleh B. Habey (1962) dan lain-lain lagi.

Kegiatan leksikografi di Indonesia terus berkembang maju dan banyak kamus telah dihasilkan. Antaranya, *An Indonesian-English Dictionary* oleh Echols (1970), *Kamus Umum Belanda-Indonesia* oleh Wojowasito (1971), *Kamus Bahasa Indonesia-Inggeris* oleh Wojowasito et al., (1971), *Kamus Remadja Inggeris-Indonesia*,

Indonesia-Inggeris oleh Panggabean (1972), *Kamus Inggeris* oleh T. Wittermans (1972), *Kamus Ejaan Bahasa Indonesia Standard* oleh Harimurti Kridalaksana (1973), *Kamus Indonesia Arab* oleh Abdullah bin Nuh (1975), dan *Kamus Istilah Linguistik* oleh Harimurti Kridalaksana (1976).

Sehingga ke hari ini perkembangan leksikografi di Indonesia telah menampakkan kemajuan. Banyak kamus yang bermutu telah dihasilkan di Indonesia seperti *Kamus Idiom Lengkap* oleh Simanjuntak (1985), *Kamus Dwibahasa* oleh Puspasaputro (1987), dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* oleh Balai Pustaka (1988). Kegiatan utama leksikografi di Indonesia kini dijalankan oleh Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.

2.5 Sejarah Leksikografi di Malaysia

Leksikografi di Malaysia bermula dalam bentuk senarai kata. Senarai kata yang pertama ialah senarai kata Melayu-Cina, yang terakam 482 kata masukan, dikumpulkan di antara tahun 1403M-1511M. Senarai kata tersebut telah ditulis dalam bahasa Cina, pengumpulnya tidak dapat dikenal pasti.

Usaha pengumpulan kata-kata ini diteruskan oleh Antonio Pigafetta antara tahun 1519M hingga 1522M. Beliau telah menghasilkan satu senarai kata Itali-Melayu. Senarai kata ini telah diolah semula oleh Alessandro Bausini dan diterbitkan di dalam majalah **Dewan Bahasa** pada tahun 1961.

Senarai kata tersebut mengandungi 176 kata masukan yang terbahagi kepada dua bahasa, iaitu kata yang dikumpulkan dalam bahasa Melayu sebanyak 153 kata masukan, dan kata daripada bahasa Jawa sebanyak 23 kata masukan (Abdullah Hassan, 1989: 105).

Pada tahun 1603, Frederick de Houtman pula telah menghasilkan satu lagi senarai kata yang bertajuk *Spoeken de woorden boek in de Malaische en de Madagaskar Talen*. Senarai kata ini mengandungi kata-kata dan dialog yang dikumpulkan daripada bahasa Melayu di pulau-pulau sekitar Madagaskar.

Senarai kata yang dihasilkan oleh Houtman ini kemudiannya diterjemahkan oleh Albert Ruyl ke dalam bahasa Jerman pada tahun 1622. Agustine Spalding pula telah menterjemahkan

senarai kata tersebut ke dalam bahasa Inggeris dan diterbitkan di London pada tahun 1624. Senarai kata versi Inggeris ini sebenarnya berdasarkan senarai Frederick de Houtman yang diedit oleh Gothard Arthur (Abdullah Hassan, 1989: 105).

Kegiatan leksikografi terus berkembang dengan terbitnya satu lagi senarai kata yang dihasilkan oleh Casper Wiltens dan Sebastian Danckearts. Senarai kata tersebut dihasilkan dalam bahasa Melayu-Belanda dan Belanda-Melayu. Senarai kata ini diterbitkan di The Hague dan boleh dianggap sebagai sebuah kamus dengan tajuk *Dictionarium Malaico Latinum* (Asmah Hj Omar, 1986: 04).

Pada tahun 1631, David Haex, seorang pengembang agama Kristian, telah menyusun sebuah kamus bertajuk *Dictionarium Malaico-Latinum, Latino-Malaico*. Kamus ini merupakan pembaharuan daripada kamus yang disusun oleh Wiltens dan Danckearts, dan menampakkan sedikit pembaharuan dalam perkembangan leksikografi bahasa Melayu kerana kata masukan yang terdapat di dalam kamus ini dihuraikan dengan agak lengkap. Kamus

ini turut memasukkan simpulan bahasa dan peribahasa sebagai entri (Abdullah Hassan, 1989: 105).

Pada tahun 1701, Thomas Bowrey telah menghasilkan sebuah kamus yang bertajuk *Dictionary of Malay Tongue as Spoken in Peninsula of Malacca, the Islands of Sumatera, Java, Borneo, Pulo Pinang and C & C, English-Malay, Malay-English*. Kamus ini diterbitkan di London dan di dalamnya disertakan peta menunjukkan kawasan pengumpulan bahasa tersebut pada bahagian pengenalan (A. Teeuw, 1964: 16).

Pada tahun 1812, William Marsden telah menghasilkan sebuah kamus yang agak ekstensif dengan tajuk *A Dictionary of the Malayan Language, Malayan and English, English and Malayan, and the Grammar of the Malayan*. Melihat tajuk kamus tersebut, dapat dijangkakan bahawa kamus ini turut membicarakan tatabahasa bahasa Melayu. Kamus ini telah diterbitkan di London dengan menggunakan dua sistem ejaan, iaitu Jawi dan Rumi. John Crawford pula telah menghasilkan sebuah kamus tatabahasa bahasa

Melayu pada tahun 1852 diberi tajuk *A Grammar and Dictionary of the Malay Language*, dan diterbitkan di London (Abdullah Hassan, 1989: 105).

Seorang pengkaji leksikografi Perancis yang bernama Abbe P. Favre telah menghasilkan sebuah kamus yang bertajuk *Dictionnaire Malais-Francais*, pada tahun 1861. Kamus ini ditulis dalam bahasa Perancis dan diterbitkan di Paris.

Pengkaji-pengkaji bahasa lain yang turut menyumbangkan beberapa kamus berkaitan dengan bahasa Melayu ialah H.C. Klinkert (1869) dan Swettenham (1870). Kamus Swettenham yang bertajuk *A Dictionary of the Malay Language: Malay-English*, merupakan kamus pertama yang diterbitkan di Tanah Melayu, iaitu diterbitkan di Taiping, Perak. Walau bagaimanapun, kamus ini tidak lengkap dan sempat disiapkan hingga ke abjad G sahaja (Yusuf Hitam : 1961).

Bidang leksikografi terus berkembang sehingga ke abad dua puluh. Maka muncullah pengarang-pengarang seperti Shellabear, Wilkinson, Swettenham, Van Ronkel dan Winstedt. Antara kamus-kamus yang telah dihasilkan ialah *A*

Malay-English Vocabulary oleh Shellabear (1902),
A Vocabulary of the English and Malay Languages
oleh Frank Swettenham, *English-Malay Dictionary*
oleh Winstedt (1913), *Malay-English Dictionary*
oleh Wilkinson (1919), dan *Maleisch Woordenboek:*
Maleisch Nederlansch oleh Van Ronkel (1939).

Leksikografi bahasa Melayu bermula dalam bentuk dwibahasa. Ini kerana kegiatan perkamusan dijalankan oleh bangsa-bangsa asing yang menjajah Tanah Melayu, yang bertujuan mempelajari dan memahami bahasa Melayu bagi memudahkan urusan di antara pihak penjajah atau pedagang dengan masyarakat Melayu. Ini dapat dilihat kerana kamus awal bahasa Melayu dihasilkan oleh pedagang Cina, seterusnya dihasilkan oleh orang-orang Inggeris.

Pada tahun 1858, seorang ahli bahasa berbangsa Melayu membawa pembaharuan dalam dunia leksikografi bahasa Melayu. Beliau ialah Raja Ali Haji yang telah menghasilkan sebuah kamus ekabahasa bahasa Melayu yang pertama bertajuk *Kitab Pengetahuan Bahasa* (Asmah Hj. Omar, 1986: 06). Kamus ini dihasilkan di Pulau Penyengat pada tahun 1620.

Kitab yang ditulis dalam tulisan Jawi ini mengandungi keterangan tentang tatabahasa bahasa Melayu yang berasaskan bahasa Arab. Kata-kata masukan diberi penerangan yang agak panjang lebar, turut dimuatkan ialah peribahasa dan beberapa perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab. Setengah-setengah pengkaji bahasa mengatakan itu lebih merupakan sebuah ensiklopedia kerana keterangan kata masukannya dibuat dalam bentuk huraian yang panjang lebar (Abdullah Hassan, 1989: 107).

Pada tahun 1894, Syed Mahmud bin Syed Abdul Kadir telah menghasilkan sebuah kamus ekabahasa yang bertajuk *Kamus Mahmudiyyah*. Kamus ini juga tidak banyak berbeza dengan kamus yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji, ditulis dalam tulisan Jawi, dan memasukkan peribahasa, kata homonim dan polisemi serta beberapa kata pinjaman sebagai entri.

Pada tahun 1920, Haji Shamsudin bin Muhammad telah menghasilkan sebuah lagi kamus ekabahasa yang bertajuk *Kamus Melayu (Makna Perkataan)*. Kamus ini telah menjadi sumber rujukan yang penting pada ketika itu dan telah diulang cetak sebanyak empat kali, cetakan

pertama pada tahun 1920, cetakan kedua 1948, cetakan ketiga 1952 dan cetakan keempat pada tahun 1964. Kamus ini telah ditulis berdasarkan sistem kamus bahasa Inggeris dan pembahagian golongan kata juga turut disertakan (A. Teeuw, 1964: 27).

Pada tahun 1925, Syed Mahmud bin Syed Abdul Kadir, sekali lagi menghasilkan sebuah kamus *Al-Mahmudiah*. Kamus ini lebih merupakan edisi baharu bagi kamus yang terdahulu. Seterusnya pada tahun 1936, Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor telah menghasilkan sebuah kamus bertajuk *Buku Katan P.B.M.P.B. Diraja Johor* atau nama lainnya *Kamus Melayu*. Buku katan ini ditulis dalam tulisan Jawi dan dihasilkan sebanyak dua belas bilangan. Buku katan ini merupakan kamus dwibahasa Inggeris-Melayu.

Beberapa buah kamus telah dihasilkan pada tahun-tahun berikutnya seperti *Perkataan Berangkap* oleh Muhammad Said (1939), *Kamus al-Hamidi* oleh Abdul Hamid (1941), *Kamus Politik* oleh Muhammad Harif (1949), *Kamus Peribahasa* oleh Ahmadi Asmara (1951), *Kamus Bahasa Sanskrit* oleh Abdul Hamid (1953), *Kamus Saku* oleh Mansor Sanusi

91957), *Kamus Istilah bahasa* oleh Ahmad Ismail (1959) dan lain-lain lagi.

Sehingga peringkat awal abad kedua puluh banyak kamus telah dihasilkan. Kamus-kamus yang telah dihasilkan pada masa ini termasuklah kamus ekabahasa, kamus dwibahasa, kamus istilah, dan kamus aneka bahasa. Antara kamus-kamus tersebut ialah *An Unabridged English-Malay Dictionary* oleh Winstedt (1963), *Kamus Simpulan Bahasa* oleh Abdullah Hussain (1966), *An Advance Malay-English Dictionary* oleh Haji Zainal Abidin Safarwan (1966), *Kamus Pustaka Melayu-Arab* oleh Syeikh Ahmad bin Othman 1967, *Kamus Dewan* oleh Teuku Iskandar (1970) dan beberapa kamus lain. *Kamus Dewan* merupakan sebuah kamus ekabahasa bahasa Melayu yang lengkap pada masa ini.

Dalam pada itu banyak kamus lain turut dihasilkan untuk menampung keperluan masyarakat bahasa, terutama para pelajar dan pendidik. Antara badan yang melibatkan diri secara serius dalam bidang leksikografi bahasa Melayu ialah Dewan Bahasa dan Pustaka. Sehingga kini berbagai-bagai jenis kamus telah dihasilkan oleh badan tersebut.

Selain *kamus Dewan*, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menghasilkan, antara lain, *Kamus DwiBahasa - Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia* (1979), *Kamus Fizik* (1989), *Kamus Biokimia* (1989), *Kamus Biologi dan Fisiologi* (1990), *Kamus Biologi: Mikrobiologi*, beberapa buah kamus istilah khusus dan yang terbaharu *Kamus Melayu Inggeris Dewan* yang dihasilkan pada awal tahun 1992.

Selain Dewan Bahasa dan Pustaka beberapa syarikat penerbitan lain turut menerbitkan kamus di Malaysia, seperti Fajar Bakti, Federal Publication, Pusat Bahasa Universiti Malaya, dan Penerbitan UKM. Badan-badan ini banyak memberi sumbangan penting terhadap dunia leksikografi bahasa Melayu sehingga kini.

Leksikografi bahasa Melayu terus berkembang, dan sehingga kini berbagai-bagai jenis kamus boleh didapati di mana-mana juga. Oleh sebab kajian ini lebih menumpukan perhatian kepada *Kamus Dewan*, maka penerangan secara ringkas terhadap kamus ini diberikan.

2.5.1 Kamus Dewan Edisi Pertama

Kerja-kerja penyusunan *Kamus Dewan* edisi pertama bermula sejak tahun 1965 lagi. Pada masa itu, perbahasan untuk melengkapkan kamus tersebut agak terhad. Setelah bekerja lebih kurang lima tahun, pada tahun 1970, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan *Kamus Dewan* edisi yang pertama (Abdullah Hassan, 1989: 108).

2.5.1.1 Cetakan Pertama, 1970

Kamus ini mengandungi 28,000 kata dasar dan setebal 1,372 halaman. Kamus ini telah disusun berdasarkan empat sumber penting, iaitu:

- i) Petikan daripada beberapa buah kamus yang sedia ada, seperti kamus yang dihasilkan oleh Wilkinson, Winstedt dan lain-lain
- ii) Petikan daripada surat-surat khabar, majalah, novel, buku-buku teks dan buku-buku klasik.
- iii) Kata-kata daerah (dialek).
- iv) Istilah-istilah terpilih.

Pada bahagian panduan kamus ini diletakkan beberapa petunjuk, iaitu:

- a) **Kata dasar** - setiap kata terbitan didapati daripada kata dasar. Diberikan contoh kata setuju berasaskan kata [tuju]. Kata dasar yang sama ejaan (homonim) dijadikan dasar yang berasingan dan diberikan nombor.
- b) **Urutan kata** - setiap kata dasar diuraikan menurut aturan yang sama, iaitu dimulakan dengan makna kata, contoh penggunaan, kata majmuk dan diakhiri dengan kata terbitan yang umum dan teratur mengikut sistem tatabahasa.
- c) **Ejaan**-ejaan yang digunakan mengikut sistem ejaan Za'ba serta panduan ejaan umum Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada pada masa itu. Beberapa vokal yang menghadapi masalah fonemik diletakkan tanda. Bagi perkataan yang mengalami masalah ejaan diberi ejaan lain selepas keterangan.
- d) **Morfologi** - diterangkan beberapa kata yang mengalami proses penghilangan konsonan apabila menerima imbuhan, contohnya, *beri* digugurkan konsonan *b* apabila menerima imbuhan *me-* menjadi *memeri*. Juga diterangkan beberapa proses pembentukan kata yang lain. Misalnya, pada masa ini perkataan *beri* apabila menerima imbuhan *me-* akan menjadi *memberi*, bukan lagi *memeri* (Kamus Dewan: 1970)

perkataan beri apabila menerima imbuhan me-
akan menjadi memberi, bukan lagi memeri
(Kamus Dewan: 1970)

2.5.1.2 Cetakan Kedua, 1984

Kerja-kerja menyusun kamus cetakan kedua bermula sejak bulan April, 1983. Kamus ini lebih lengkap kerana dibuat keterangan tambahan, seperti sebutan kata, golongan kata, etimologi dan lain-lain (Kamus Dewan, 1984).

Beberapa perubahan yang dibuat bagi cetakan kedua ini ialah:

- a. Perubahan ejaan secara keseluruhan. Semua isi kandungan berdasarkan sistem ejaan Rumi yang baharu, sejajar dengan pedoman serta senarai yang terdapat dalam Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (1981).
- b. Pindaan pada takrif kata pada tempat-tempat yang difikirkan perlu supaya lebih tepat atau lebih jelas.
- c. Pemecahan takrif (huraian makna) bagi kata-kata tertentu supaya menjadi lebih terperinci disertai tambahan kepada takrif atau makna perkataan, rangkai kata dan sebagainya, sejajar dengan makna perkataan yang berkenaan.

- d. Penambahan sejumlah kata masukan, baik yang terdiri daripada kata dasar berserta bentuk terbitan, atau yang merupakan kata terbitan atau rangkai kata sahaja.
- e. Pindaan, penggantian atau tambahan kepada kata seerti, ayat contoh, penggunaan kata dan lain-lain yang difikirkan perlu.

Kamus cetakan kedua ini juga membuat perubahan pada bahagian panduan, seperti senarai kata masukan meliputi kata dasar, frasa, ungkapan dan kata majmuk. Ejaan berdasarkan ejaan Rumi baharu, dalam bentuk standard dan ejaan rasmi. Turut dimasukkan ialah variasi kata dan variasi ejaan yang meliputi ejaan lama. Bahagian sebutan turut diberi penerangan ringkas, seperti perkataan *bela* [bela] yang menghadapi masalah dengan perkataan *bela* [bəla] (Kamus Dewan: 1984).

2.5.1.3 Cetakan Ketiga, 1986

Kamus Dewan cetakan yang ketiga ini masih mengekalkan isi kandungan Kamus Dewan cetakan kedua. Kamus ini dicetak bagi memenuhi permintaan terhadap kamus tersebut pada masa itu.

2.5.2 Kamus Dewan Edisi Baharu

Kamus Dewan Edisi Baharu ini bertujuan merakam kata-kata baharu, serta menghuraikan perkembangan makna yang telah muncul akibat perkembangan ilmu pengetahuan, serta sedikit pindaan dan pembaharuan yang dilakukan berdasarkan kamus edisi yang pertama. Beberapa perubahan dan pindaan yang dibuat ialah seperti menambah bilangan kata masukan berdasarkan data yang diterima.

Pembetulan beberapa kata masukan lama yang telah mengalami perubahan ejaan dan makna turut dilakukan. Pembetulan ini dibuat supaya kamus yang baharu ini dapat memberi makna yang jelas dan jitu kepada pengguna-pengguna kamus. Pembaikan sederhana yang berupa pindaan atau penambahan contoh penggunaan kata atau tambahan kata-kata seerti turut dilakukan kepada beberapa kata masukan yang terdiri daripada kata dasar, kata terbitan atau rangkai kata (Kamus Dewan, 1989).

Kamus Dewan edisi baharu ini turut mengekalkan beberapa bahagian seperti yang terdapat pada Kamus Dewan edisi yang terdahulu.

Misalnya, bahagian panduan masih lagi menurunkan panduan yang digunakan pada Kamus Dewan edisi yang pertama. Namun begitu kamus ini kelihatan lebih lengkap berbanding dengan kamus-kamus sebelumnya.

Kebelakangan ini pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah berusaha menerbitkan sebuah lagi Kamus Dewan, iaitu Kamus Dewan edisi ketiga. Penyusunan kamus ini berdasarkan garis kasar, panduan dan teknik mengendalikan kata dengan kategori yang telah ditentukan. Ini bertujuan supaya setiap kata masukan yang ada selaras dengan proses pembentukan kata yang terdapat dalam bahasa Melayu (Ibrahim Ahmad: 1992).

2.6 Kesimpulan

Leksikografi yang bermula sejak abad pertama Masihi lagi, iaitu bermula dengan bentuk senarai kata, kini telah menjadi satu bidang yang berkembang luas. Perkembangan leksikografi yang begitu pesat telah menghasilkan bukan sahaja berbagai-bagai bentuk kamus malahan turut menghasilkan beberapa penyelidikan yang berguna dalam proses memajukan lagi dunia leksikografi.

Leksikografi Melayu bermula dalam bentuk dwibahasa, iaitu sebagai memenuhi keinginan pendatang-pendatang asing mempelajari bahasa Melayu. Akibat daripada perkembangan ilmu pengetahuan dan keperluan yang begitu mendesak, kini leksikografi Melayu telah berkembang pesat. Bermula daripada senarai kata, dalam bentuk dwibahasa, kini leksikografi Melayu telah berkembang kepada penghasilan kamus-kamus lengkap dan turut menghasilkan kamus yang terdiri daripada bentuk ekabahasa, dwibahasa dan sehingga kepada bentuk aneka bahasa.

Berdasarkan perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi serta keperluan bidang ilmu yang semakin meningkat, leksikografi Melayu telah bertambah matang dan lengkap dalam proses penghasilannya. Leksikografi Melayu juga semakin berkembang dengan adanya penggunaan data korpus yang berasaskan komputer dalam penghasilan kamus.